



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI



PEKELILING KEMASUKAN KE UNIVERSITI AWAM (UA) SESI AKADEMIK 2026/2027 PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN STPM/SETARAF KATEGORI STPM, MATRIKULASI/ ASASI DAN STAM

ISI KANDUNGAN

1.	PENYELARASAN PENGAMBILAN.....	2
2.	SYARAT KEMASUKAN.....	3
	<i>Syarat Am Kemasukan.....</i>	3
	<i>Syarat Khas Kemasukan.....</i>	4
3.	BAYARAN PROSES UPUONLINE®.....	4
4.	PERMOHONAN.....	5
	<i>Kategori Permohonan.....</i>	6
	<i>Fasa Permohonan.....</i>	7
	<i>Fasa Pengemaskinian.....</i>	8
	<i>Slip Permohonan.....</i>	9
	<i>Lupa Kata Laluan.....</i>	9
5.	PEMROSESAN DAN PEMILIHAN.....	9
	<i>Penentuan Aliran Kategori STPM.....</i>	10
	<i>Penentuan Aliran Kategori Matrikulasi/ Asasi.....</i>	10
	<i>Dasar & Kriteria Pemilihan.....</i>	10
	<i>Markah Kokurikulum.....</i>	11
	<i>Pengiraan Markah Merit.....</i>	11
	<i>Proses Pemilihan.....</i>	13
6.	HEBAHAN.....	14
	<i>Surat Tawaran.....</i>	15
7.	RAYUAN.....	15
8.	TARIKH-TARIKH PENTING.....	16
	LAMPIRAN A.....	17

**PEKELILING KEMASUKAN KE
PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DI UNIVERSITI
AWAM BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN STPM/SETARAF
(Kategori STPM, Matrikulasi/ Asasi dan STAM)
Sesi Akademik 2026/2027**

1. PENYELARASAN PENGAMBILAN

- 1.1 Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi (BKPA, JPT) menyelaras **permohonan, pemprosesan, pemilihan dan hebahan** kemasukan ke Program Pengajian Lepas STPM/Setaraf di **20 buah Universiti Awam (UA)** bagi **Ambilan September/ Oktober** sahaja seperti berikut :-

20 Universiti Awam (UA)

1. **Universiti Malaya (UM)**
2. **Universiti Sains Malaysia (USM)**
3. **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**
4. **Universiti Putra Malaysia (UPM)**
5. **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**
6. **Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)**
7. **Universiti Utara Malaysia (UUM)**
8. **Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)**
9. **Universiti Malaysia Sabah (UMS)**
10. **Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)**
11. **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**
12. **Universiti Teknologi MARA (UiTM)**
13. **Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**
14. **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**
15. **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**
16. **Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)**
17. **Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**
18. **Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**
19. **Universiti Malaysia Kelantan (UMK)**
20. **Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)**

- 1.2 Program pengajian di UiTM hanya terbuka kepada **calon berketurunan Melayu, Anak Negeri Sabah, Anak Negeri Sarawak dan Orang Asli Semenanjung** sahaja.
- 1.3 Semua program pengajian di UA lain (selain UiTM) terbuka kepada semua yang berkecualan.

2. SYARAT KEMASUKAN

- 2.1 Semua program pengajian yang ditawarkan oleh UA bagi Sesi Akademik 2026/2027 boleh didapati dalam **UPUWeb** dengan melayari pautan URL seperti berikut:-

<https://upu.mohe.gov.my>

- 2.2 Calon boleh mendapatkan maklumat berkenaan **Syarat Am dan Syarat Khas** program pengajian yang telah ditetapkan serta maklumat lain yang disediakan.

Syarat Am Kemasukan

- 2.3 Terbuka kepada **Warganegara Malaysia yang mempunyai Kad Pengenalan/ MyKad sahaja** yang layak mengemukakan permohonan.

- 2.4 **LEPASAN STPM/SETARAF (KATEGORI STPM/ MATRIKULASI/ ASASI DAN STAM)**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat **kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013**. Kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu **Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan (SPMU) diambil kira**;

DAN

SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA (STPM) 2025

Mendapat sekurang-kurangnya **Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.00** dengan Gred C dalam **tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am**;

ATAU

MATRIKULASI / ASASI SESI AKADEMIK 2025/2026

Mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00**;

ATAU

SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM) 2025 & 2024

Mendapat sekurang-kurangnya **Pangkat Jayyid**;

DAN

Mendapat sekurang-kurangnya **Band 1.0** dalam **Malaysian University English Test (MUET)** untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah lima (5) tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan. **KEMAS KINI**

Syarat Khas Kemasukan

- 2.5 Calon perlu memenuhi syarat-syarat khas program pengajian seperti yang dinyatakan dalam **SYARAT KHAS PROGRAM PENGAJIAN** di e-Panduan Permohonan Kemasukan ke Universiti Awam (UA) bagi Program Pengajian Lulusan STPM/Setaraf.

3. BAYARAN PROSES UPUONLINE®

- 3.1 Calon **perlu** membeli No. Pin UPUOnline® (Bayaran Proses UPUOnline®) terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan UPUOnline® melalui Ejen Pemungut BKPA JPT iaitu Bank Simpanan Nasional (BSN).
- 3.2 Harga pembelian No. Pin UPUOnline® (Bayaran Proses UPUOnline®) yang dikenakan adalah **RM10.60** (termasuk caj perkhidmatan BSN RM 0.60).
- 3.3 Calon dibenarkan membeli dua (2) Pin UPUOnline® bagi kategori permohonan iaitu Lulusan SPM dan Lulusan STPM/Setaraf.
- 3.4 Pembelian No. Pin UPUOnline® (Bayaran Proses UPUOnline®) boleh dibuat melalui:
- i. **TIGA (3)** kaedah seperti berikut:
 - a) Kaunter BSN;
 - b) Mesin *Automated Teller Machine* (ATM); dan
 - c) *Internet Banking* (myBSN);
 - ii. Pembelian melalui kaedah i.(b) & i.(c) perlu ada Akaun GIRO BSN.
- 3.5 Tarikh pembelian No. Pin UPUOnline® adalah bermula pada **28 Januari 2026** iaitu sehari sebelum **Fasa Permohonan Lulusan SPM/ Fasa Permohonan Pertama Lulusan STPM/ Setaraf** dibuka.

- 3.6 Tarikh pembelian No. Pin UPUOnline® ditutup pada **15 Mei 2026** iaitu bersamaan tarikh akhir **Fasa Permohonan Kedua Lepas STPM/Setaraf**.

NOTA: Sebarang pindaan tertakluk dari semasa ke semasa.

4. PERMOHONAN

- 4.1 Fasa Permohonan Pertama dan Kedua akan **dibuka** seperti berikut:

- i) Fasa Pertama : **29 Januari 2026 jam 12:00 tengah hari hingga 23 Mac 2026 jam 5:00 petang.**
- ii) Fasa Kedua : **13 April 2026 jam 12:00 tengah hari hingga 15 Mei 2026 jam 5:00 petang.**

- 4.2 Calon Lepas STPM/Setaraf diwajibkan untuk mengemukakan permohonan kemasukan ke UA melalui Sistem UPUOnline® di <https://upu.mohe.gov.my/>.

- 4.3 Calon dinasihatkan membaca terlebih dahulu panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi mengelakkan calon memilih program yang tidak melepasi syarat khas program pengajian.

Gambar rajah 1 : Panduan Permohonan Sesi Akademik 2026/2027



Pekeliling Kemasukan ke Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda di Universiti Awam (UA) Bagi Program Pengajian Lepas STPM/Setaraf (Kategori STPM, Matrikulasi/Asasi dan STAM) Sesi Akademik 2026/2027

Kategori Permohonan

- 4.4 Permohonan kemasukan ke UA bagi **Program Pengajian Lulusan STPM/Setaraf Kategori STPM, Matrikulasi/Asasi & STAM Sesi Akademik 2026/2027** dibuka untuk kategori berikut:-

Kategori A	Kategori S	Kategori T
Aliran Sastera STPM 2025	Aliran Sains STPM 2025	STAM 2025 dan STAM 2024

Kategori N KEMAS KINI	Kategori P	Kategori U
Aliran Sains/ Sains Komputer (Matrikulasi KPM/ Asasi Sains UM/ ASASlpintar UKM/ Asasi UiTM)	Aliran Perakaunan (Matrikulasi KPM)	Aliran Undang- Undang KPM (Asasi UiTM)

Kategori K	Kategori L KEMAS KINI	Kategori J
Aliran Kejuruteraan (Asasi UiTM)	Aliran Bahasa Inggeris (TESL) (Asasi UiTM)	Aliran Kejuruteraan (Matrikulasi KPM)

Kategori M	Kategori V
Aliran Sains Sosial (Asasi UM)	Aliran Teknologi Kejuruteraan (Asasi Politeknik)

Fasa Permohonan

- 4.5 Permohonan UPUOnline® dibuka dalam **dua (2) fasa** iaitu **Fasa Permohonan Pertama** dan **Fasa Permohonan Kedua**.
- 4.6 Calon dikehendaki mencipta akaun pengguna UPUOnline® sebelum mengemukakan permohonan.
- 4.7 Calon boleh daftar masuk dengan menggunakan Nombor Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang telah dimasukkan semasa mencipta akaun pengguna.
- 4.8 Calon boleh mengemukakan permohonan dalam mana-mana fasa permohonan.
- 4.9 Calon wajib memasukkan **lima (5) item** berikut untuk mencipta **akaun pengguna**:-
- a) No Kad Pengenalan
 - b) Alamat E-mel
 - c) Nama Ibu
 - d) Kata Laluan
 - e) Soalan Keselamatan
- 4.10 Calon wajib memasukkan **lima (5) item** berikut untuk mengemukakan permohonan kali pertama:-
- a) No. Kad Pengenalan semasa pendaftaran peperiksaan
 - b) No. Pin UPUOnline®
 - c) Jenis Permohonan
 - d) Program Pengajian
 - e) Kategori
- 4.11 Terdapat **12 pilihan program pengajian**. Calon **wajib** memilih **enam (6) pilihan program pengajian**. Program pengajian bukan bertemu duga dan/atau ujian boleh dipilih pada pilihan 1 - 12. Jika calon berminat dengan program pengajian bertemu duga dan/atau ujian, calon boleh mengemukakan pilihan pada **Pilihan 1 hingga 4 sahaja**. Bagi **program pengajian pendidikan** pula, hanya pada **Pilihan 1 hingga 2 sahaja**.
- 4.12 **Semua program pengajian yang bertemu duga dan/atau ujian hanya dibuka** untuk pemilihan semasa **Fasa Permohonan Pertama** sahaja.
- 4.13 Calon **tidak boleh memilih program pengajian yang sama di institusi yang sama** tetapi dibenarkan memilih program pengajian yang sama di institusi yang berbeza.

- 4.14 **Tiada tapisan** pilihan program pengajian yang melepasi syarat khas dilaksanakan. Pilihan program pengajian yang dipaparkan adalah semua program pengajian yang ditawarkan bagi kategori berkenaan.
- 4.15 Pilihan program pengajian bagi calon lepasan STPM/ Setaraf dibuka dalam UPUOnline® pada **29 Januari hingga 23 Mac 2026 (Fasa Permohonan Pertama) dan 13 April hingga 15 Mei 2026 (Fasa Permohonan Kedua).**
- 4.16 Calon **hanya boleh memilih pilihan program pengajian yang dibuka mengikut kategori** yang telah ditetapkan oleh UA.
- 4.17 Semua program pengajian yang bertemu duga dan/atau ujian ditandakan dengan **tanda (#) pada akhir nama program pengajian.**
- 4.18 Medan maklumat penting yang wajib diisi oleh calon ditandakan dengan tanda (*) Manakala tanda (**) adalah merujuk kepada wajib mengisi salah satu medan maklumat.
- 4.19 Calon boleh mengemaskini maklumat tanpa had sehingga tarikh tutup permohonan.
- 4.20 Calon wajib klik butang **“Simpan”** bagi memastikan maklumat permohonan telah selamat diterima oleh sistem. **Slip Permohonan UPUOnline®** yang dicetak atau disimpan dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*), boleh dijadikan bukti bahawa calon telah berjaya mengemukakan permohonan.
- 4.21 Notifikasi akan dipaparkan jika calon keluar daripada Sistem UPUOnline® tanpa menekan butang **“Simpan”**.
- 4.22 Notifikasi sistem tamat sesi akan dipaparkan, jika calon tidak membuat sebarang transaksi selepas 15 minit.

Fasa Pengemaskinian

- 4.23 Fasa Pengemaskinian akan **dibuka** mulai **minggu ketiga Julai 2026** pada **jam 12:00 tengah hari hingga jam 5:00 petang.**
- 4.24 Calon boleh mengemas kini maklumat tanpa had sehingga tarikh tutup pengemaskinian.
- 4.25 Calon Lulusan STPM/Setaraf kategori STPM, Matrikulasi/Asasi dan STAM boleh **mengemas kini** pilihan program pengajian yang melepasi Syarat Khas berdasarkan **keputusan sebenar peperiksaan semester akhir.**

- 4.26 Program pengajian bertemu duga dan/atau ujian yang dipilih **semasa Fasa Permohonan** boleh dikemas kini kepada program pengajian lain semasa **Fasa Pengemaskinian** sekiranya calon **tidak melepasi syarat khas program pengajian** atau **tidak dipanggil temu duga dan/ujian**.

Slip Permohonan

- 4.27 Setelah klik butang “**Simpan**” dalam halaman terakhir UPUOnline®, pernyataan “**Terima Kasih! Permohonan Anda Telah Diterima Oleh Sistem**” akan dipaparkan.
- 4.28 Maklumat lengkap permohonan boleh dicetak dan dimuat turun melalui pautan “**Cetak Slip**” dan “**Muat Turun Slip**”. Sekiranya calon berjaya mengemukakan permohonan, UPUOnline® akan memaparkan Slip Permohonan dengan maklumat seperti berikut:
- Tarikh dan Masa Permohonan
 - No. Rujukan Permohonan
 - Nama, No. KP dan Kategori Calon
 - Pilihan Program Pengajian
 - Tarikh kemaskini pilihan program pengajian
 - Tarikh-tarikh penting hebahan dan panggilan temu duga dan/atau ujian
 - Tarikh Fasa Pengemaskinian
 - Catatan; dan
 - Penyataan Khas.

Lupa Kata Laluan

- 4.29 Sekiranya calon lupa **Kata Laluan** yang diisi semasa mengemukakan permohonan bagi tujuan pengemaskinian, calon boleh mendapatkan **Kata Laluan** dengan **klik pautan ‘Lupa Kata Laluan’**.
- 4.30 Calon dikehendaki memasukkan e-mel yang digunakan semasa mencipta akaun, dan seterusnya **Kod Pengesahan akan dibekalkan melalui e-mel tersebut**. Dengan menggunakan Kod Pengesahan yang dibekalkan, calon **boleh mencipta kata laluan yang baharu** menggunakan format yang telah ditetapkan. **BAHARU**

5. PEMPROSESAN DAN PEMILIHAN

- 5.1 Calon yang telah memilih program pengajian bertemu duga dan/atau ujian (program pengajian yang mempunyai tanda #) akan diproses dan dihantar kepada UA untuk

pemilihan. Calon akan dipanggil untuk menghadiri temu duga dan/atau ujian pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan oleh UA.

- 5.2 **Surat panggilan temu duga dan/atau ujian akan dikeluarkan oleh UA** melalui laman sesawang masing-masing. Alamat URL UA yang terlibat akan turut dipaparkan di laman sesawang <https://upu.mohe.gov.my/>.

Penentuan Aliran Kategori STPM

5.3 Aliran Sains

Penentuan aliran bagi calon STPM Sains ialah dengan mengambil **mana-mana dua (2) mata pelajaran berikut di peringkat STPM:-**

- *Mathematic (M)*
- *Mathematic (T)*
- *Physics*
- *Chemistry*
- *Biology*
- *Information and Communications Technology (ICT)*
- Sains Sukan

5.4 Aliran Sastera

Calon yang tidak memenuhi komponen Aliran Sains secara automatik dimasukkan ke Aliran Sastera.

Penentuan Aliran Kategori Matrikulasi/ Asasi

- 5.5 Penentuan aliran bagi calon Matrikulasi/Asasi adalah berdasarkan kategori calon semasa mengikuti program pengajian di Matrikulasi KPM dan Asasi UA.

Dasar & Kriteria Pemilihan

- 5.6 Dasar pemilihan adalah berasaskan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai **90% markah akademik** dan **10% markah kokurikulum**.
- 5.7 Kriteria pemilihan kemasukan adalah seperti berikut:-

- a) Pencapaian akademik dalam peperiksaan STPM/Setaraf dan SPM;

- b) Pencapaian dalam aktiviti kokurikulum;
- c) Kombinasi mata pelajaran yang bersesuaian dengan program pengajian dipohon;
- d) Gred mata pelajaran untuk tujuan pengkhususan;
- e) Memenuhi syarat khas seperti yang ditetapkan oleh UA;
- f) Mendapat sekurang-kurangnya Band 1.0 dalam *Malaysian University English Test* (MUET) untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah lima (5) tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan **KEMAS KINI** bagi lepasan STPM/Setaraf sahaja;
- g) Lulus temu duga dan/atau ujian bagi program pengajian yang menetapkan syarat berkenaan;
- h) Program pengajian pilihan calon mengikut keutamaan;
- i) Bilangan tempat yang disediakan oleh UA;
- j) Melempi tahap minimum Ujian i-MEdSI (**bagi Program Pengajian ISMP**); dan
- k) Lulus ujian khas yang ditetapkan dan diperaku temu duga (**bagi Program Pengajian ISMP**).

Markah Kokurikulum

- 5.8 Markah kokurikulum 10% bagi calon kategori STPM dan STAM diselaraskan oleh Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia (BSKK, KPM).
- 5.9 Markah kokurikulum 10% bagi calon kategori Matrikulasi/ Asasi diselaraskan oleh institusi masing-masing iaitu Bahagian Matrikulasi KPM (BM KPM), UM, UKM, UiTM dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Pengiraan Markah Merit

5.10 Kaedah Pengiraan PNGK

a) Pengiraan PNGK STPM dan Matrikulasi/ Asasi

- i. Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) bagi STPM dan Matrikulasi/ Asasi yang diguna pakai dalam pengiraan markah akademik adalah seperti berikut:

GRED	NILAI GRED
A+	4.00
A	4.00

A-	3.67
B+	3.33
B	3.00
B-	2.67
C+	2.33
C	2.00
C-	1.67
D+	1.33
D	1.00
F	0.00

- ii. PNGK calon STPM dan Matrikulasi/ Asasi adalah berdasarkan kaedah yang digunakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), BM KPM, UM, UKM dan UiTM (diterima mengikut nilai muka (*face value*)).

b) Pengiraan PNGK STAM

- i. Nilai gred bagi STAM yang diguna pakai dalam pengiraan markah akademik adalah seperti berikut:


GRED	PANGKAT	PNGK
Mumtaz	1	4.00
Jayyid Jiddan	2	3.00
Jayyid	3	2.00
Makbul	4	1.00
Rasib	5	0.00

- ii. PNGK adalah berdasarkan pangkat STAM yang dibekalkan oleh Lembaga Peperiksaan (LP).

5.11 Kaedah Pengiraan **Markah Akademik**



5.12 Kaedah Pengiraan **Markah Merit**



5.13 Contoh pengiraan **Markah Merit** adalah seperti di **Lampiran A**.

Proses Pemilihan

5.14 Calon akan disusun mengikut kedudukan (*ranking*) berdasarkan **markah merit yang paling tinggi hingga yang paling rendah**.

5.15 Proses pemilihan dilaksanakan secara berkomputer dengan pengesahan pemilihan oleh semua UA. Berikut adalah gambaran pemprosesan pemilihan:-

- Calon disusun berdasarkan markah merit paling tinggi hingga paling rendah.
- Calon ditawarkan berdasarkan merit, memenuhi Syarat Am & Khas program pengajian, kekosongan tempat, diperaku temu duga dan/atau ujian (jika berkenaan) dan keutamaan pilihan calon.

Merit	PIL. 1	PIL. 2	PIL. 3	PIL. 4	PIL. 5	PIL. 6	PIL. 7	PIL. 8	PIL. 9	PIL. 10	PIL. 11	PIL. 12	JAYA
000103													PIL. 12
	PIL. 1	PIL. 2	PIL. 3	PIL. 4	PIL. 5	PIL. 6	PIL. 7	PIL. 8	PIL. 9	PIL. 10	PIL. 11	PIL. 12	
SYARAT	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✓	✗	✓	✓	✓	✓	
KEKOSONGAN TEMPAT	✗	✓	✗	✗	✗	✓	✗	✓	✗	✗	✗	✓	
UJIAN/ TEMU DUGA (JIKA ADA)	-	✗	✓	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
KEPUTUSAN	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✗	✓	

***Calon yang mengisi 12 pilihan mempunyai peluang yang lebih tinggi**

6. HEBAHAN

- 6.1 BKPA JPT menggunakan laman web/ pautan untuk memaklumkan **status permohonan** dan **keputusan permohonan kemasukan ke UA**.
- 6.2 Hebahan status keputusan permohonan bagi Lulusan STPM/Setaraf adalah melalui **saluran hebahan** seperti berikut:

Laman web/ Pautan	https://upu.mohe.gov.my
Talian <i>Hotline</i> UPU	03-8684 2363
Aplikasi Mobile	UPUPocket

- 6.3 BKPA JPT boleh dihubungi untuk maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan di alamat dan talian seperti berikut:-

Alamat	Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Tinggi Aras 4, No. 2 Menara 2 Jalan P5/6, Presint 5 62200 W.P. PUTRAJAYA
Talian <i>Hotline</i>	(03) 8684 2363
Aplikasi chat	UPUChat
Laman web	https://upu.mohe.gov.my

Media sosial rasmi: • Facebook • Instagram • Youtube • TikTok • Telegram	BKPA UPU
--	----------

Surat Tawaran

- 6.4 Calon hanya akan ditawarkan program pengajian berdasarkan pilihan yang dikemukakan kecuali bagi tawaran rayuan sekiranya calon bersetuju ditawarkan luar pilihan.
- 6.5 Surat tawaran rasmi dikeluarkan oleh UA bermula **sehari (1) selepas hebahan keputusan**.
- 6.6 Calon perlu memuat turun surat tawaran rasmi di Laman Web UA mengikut jadual yang ditetapkan.
- 6.7 Calon yang berjaya dikehendaki membuat pengesahan setuju terima tawaran **dalam tempoh sembilan (9) hari** selepas hebahan keputusan perdana.
- 6.8 Calon yang tidak membuat pengesahan terima atau tolak selepas tempoh yang ditetapkan akan dianggap sebagai menolak tawaran.
- 6.9 **Tawaran adalah MUKTAMAD.**

7. RAYUAN

- 7.1 Hanya **calon yang gagal** mendapat tawaran ke UA sahaja yang boleh mengemukakan rayuan dalam dalam **tempoh sepuluh (10) hari** selepas keputusan permohonan kemasukan diumumkan.
- 7.2 Calon yang **mendapat tawaran, menolak tawaran atau tidak membuat pengesahan setuju terima tawaran** dalam **tempoh sembilan (9) hari** selepas hebahan keputusan perdana, tidak akan dipertimbangkan untuk proses rayuan.

- 7.3 Calon dibenarkan mengemukakan **empat (4) pilihan program pengajian** semasa permohonan rayuan dengan program pengajian bertemu duga dan/ atau ujian hanya berada di Pilihan 1 dan 2 sahaja.
- 7.4 Pilihan program pengajian yang dipaparkan adalah pilihan program pengajian **yang layak syarat am dan syarat khas program pengajian sahaja** serta **masih ada kekosongan** selepas setuju terima tawaran.
- 7.5 Calon boleh mengemaskini maklumat rayuan tanpa sebarang had sehingga tarikh tutup permohonan.
- 7.6 Pengesahan **setuju terima tawaran rayuan** adalah dalam tempoh **empat (4) hari** selepas keputusan rayuan diumumkan.

8. TARIKH-TARIKH PENTING

- 8.1 Berikut adalah tarikh-tarikh penting yang berkaitan dengan permohonan kemasukan ke UA bagi **Program Pengajian Lulusan STPM/ Setaraf Sesi Akademik 2026/2027**:-

PERKARA	TARIKH
Fasa Permohonan Pertama	29 Januari hingga 23 Mac 2026
Fasa Permohonan Kedua	13 April hingga 15 Mei 2026
Semakan Panggilan Temu Duga (Bukan Pendidikan) dan Ujian MEdSI	April hingga Julai 2026
Semakan Panggilan Temu Duga (Pendidikan)	Mei hingga Julai 2026
Fasa Pengemaskinian (Muat Naik Dokumen)	Minggu Ketiga Julai 2026
Hebahan Keputusan Perdana	Minggu Kedua Ogos 2026
Permohonan Rayuan	Minggu Kedua hingga Ketiga Ogos 2026 (Tempoh permohonan 10 hari)
Pendaftaran Pelajar Baharu	Bermula 17 September 2026
Hebahan Keputusan Rayuan	Minggu Keempat September 2026
Pendaftaran Pelajar Baharu - Rayuan	Bermula 1 Oktober 2026

***Tertakluk kepada perubahan**

CONTOH PENGIRAAN MARKAH AKADEMIK, MARKAH KOKURIKULUM DAN MARKAH MERIT

i. Markah Akademik



PNGK yang diperolehi calon: 3.50

$$\begin{aligned} \text{Markah Akademik (90\%)} &= \frac{3.50 \times 90}{4.00} \\ &= 78.75\% \end{aligned}$$

ii. Markah Kokurikulum

Markah kokurikulum yang diperolehi calon: 9.00

iii. Markah Merit



Jika calon mendapat:

Markah Akademik	= 78.75
Markah Kokurikulum	= 9.00
Markah Merit	= 78.75 + 9.00
	= 87.75

Markah merit calon adalah 87.75.